

## Juadah Pulai Springs Resort

JOHOR BAHRU 8 Mac - Pulai Springs Resort terus memperhebatkan promosi makanan di resort berkenaan dengan menyajikan hidangan istimewa sepanjang bulan ini.

Pengurus Perhubungan Awamnya, Charlotte Monterio berkata, hidangan utama dengan harga yang berpatutan itu disajikan di Restoran Gleneagles.

“Orang ramai boleh mencuba *Grilled Foot Long Beef Ribs* dengan perapan rempah asli dan dihidangkan bersama kentang dan sayuran segar. Malah pelanggan juga boleh mencuba Asam Pedas Rusuk Lembu yang dihidangkan terus dari dapur.

“Restoran berkenaan juga menawarkan Bufet Tema Malam Minggu pada setiap Jumaat, manakala pada Sabtu pelanggan boleh menikmati promosi BBQ dengan harga RM48 ke atas bagi dewasa dan RM24 untuk kanak-kanak,” katanya dalam satu kenyataan di sini.